

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 15 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 19

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1411-L00689
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan secara terperinci tentang pelaksanaan Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) seperti jumlah daerah yang terlibat, jenis industri yang diusahakan, jumlah atau bentuk bantuan bagi sesebuah industri di sesebuah daerah serta contoh-contoh daerah yang telah berjaya dalam program tersebut.

2. PR-1411-L00960
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini pembinaan projek Keretapi Pantai Timur (ECRL) dan apakah justifikasi peningkatan kos pembinaan daripada RM55 bilion kepada RM70 bilion.

3. PR-1411-L00103
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan strategi Kerajaan untuk meningkatkan eksport minyak sawit Malaysia khususnya dalam mendepani cabaran pemasaran di Eropah dan China.

4. PR-1411-L00827
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
 - (a) apakah pihak Kementerian telah mengenal pasti potensi pelancongan Sungai Pengkalan Datu dan potensi pelancongan kawasan pantai di Pengkalan Chepa ; dan

(b) berapakah peruntukan yang telah dan akan diluluskan Kementerian untuk membaik pulih kawasan yang terlibat dengan hakisan terutama kawasan yang berisiko tinggi seperti Pantai Mek Mas dan Pantai Kundor dan berapakah jumlah peruntukan pelancongan yang telah disalurkan dan akan disalurkan dalam memajukan ekopelancongan kawasan ini.

5. PR-1411-L00047

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan akan menyalurkan dana yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek tebatan banjir di Sungai Pinang di Jelutong, Pulau Pinang di mana Kerajaan Barisan Nasional telah meluluskan RM2.57 bilion di bawah Rancangan Perbelanjaan tetapi hanya RM1.04 bilion yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

6. PR-1411-L00715

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sekiranya cadangan projek kereta nasional ketiga diteruskan, adakah Kementerian akan tetap mengurangkan kadar duti eksais bagi kereta import kategori kereta pertama dengan enjin bersaiz di bawah 1,600cc.

7. PR-1411-L00041

Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan jurang pembangunan, kemudahan infrastruktur dan kemiskinan yang amat ketara di antara Sabah dan Semenanjung.

8. PR-1411-L01249

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan adakah kajian yang menyeluruh dibuat sebelum menetapkan garis panduan bagi semua tukang masak tanpa mengira kaum dan garis panduan ini benar-benar dapat direalisasikan memandangkan kita masih mempunyai kekangan dalam sektor masakan tradisional.

9. PR-1411-L00410

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jenis Klinik Kesihatan yang telah dicadangkan oleh Kementerian untuk Pakan bagi menggantikan/menaik taraf Klinik Kesihatan Pakan sekarang. Bilakah projek pembinaan klinik itu akan dimulakan.

10. PR-1411-L01168
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tahap pengamalan penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar pelbagai etnik di sekolah perancangan masa depan Kementerian untuk memperkasakan lagi budaya penggunaan bahasa kebangsaan di dalam negara.

11. PR-1411-L00780
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini mengenai ratifikasi "*ratification*" Rome Statute (International Criminal Court Statute) dan Arms Trade Treaty yang telah lama tertunda.

12. PR-1411-L00157
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) adakah Tabung Harapan Malaysia (*crowd funding*) hanyalah manipulasi ekonomi negara untuk mengelirukan rakyat mengenai ekonomi semasa; dan
 - (b) adakah ianya tidak memberi persepsi buruk kepada pasaran saham Malaysia dan juga pelabur asing. Apakah kaedah yang diambil oleh Kerajaan untuk menghindar daripada aliran keluar dana dari negara ini.

13. PR-1411-L00544
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengekalkan Akta Hasutan Tahun 1948 yang jelas bercanggah dengan Fasal 10 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan bersuara.

14. PR-1411-L01336
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesediaan Malaysia mencerap potensi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Apakah strategi Kerajaan untuk memastikan Malaysia tidak ketinggalan di dalam usaha mustahak ini.

15. PR-1411-L00316
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah punca utama yang menyebabkan capaian telefon dan internet di Kuala Krai bermasalah terutama selepas musim banjir 2014. Apakah langkah Kementerian untuk menyelesaikan masalah tersebut.

16. PR-1411-L01152
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan berhubung sebab-sebab Kerajaan menggugurkan tuntutan kedaulatan terhadap Pulau Batu Puteh daripada Singapura memandangkan terdapat bukti-bukti baharu yang ditemui di United Kingdom dan apakah bentuk persetujuan yang telah dicapai antara Malaysia dan Singapura bagi menyelesaikan tuntutan ini.
17. PR-1411-L01214
Tuan Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah semua undang-undang yang dilihat menekan rakyat akan dimansuhkan sebagaimana janji dalam manifesto Pakatan Harapan.
18. PR-1411-L00140
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk melaksanakan pendidikan percuma seperti yang digembar-gemburkan sebelum ini.
19. PR-1411-L00366
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan sama ada mana-mana agensi di bawah Kementerian berusaha membantu bekas-bekas banduan mendapatkan pekerjaan demi memulakan kehidupan baru dan jika ada, berapa ramai bekas banduan yang berjaya dibantu. Dan jika tiada, adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan agensi yang boleh berperanan sedemikian.
20. PR-1411-L00971
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan setakat manakah proses pembinaan tebatan banjir di sempadan Kelantan-Thailand yang melibatkan kawasan jajaran Parlimen Pasir Mas, Rantau Panjang dan Tumpat bagi mengelakkan banjir saban tahun yang berlaku akibat limpahan air dari Sungai Golok.
21. PR-1411-L00727
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah pihak Kementerian akan meneruskan projek-projek yang telah diluluskan untuk kepentingan rakyat khususnya rakyat di luar bandar seperti Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) , Projek Jalan Kampung (PJK) dan Lampu Jalan Kampung.

22. PR-1411-L01046

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-

- (a) berapa peratus perniagaan yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang dimiliki oleh golongan belia yang berumur di bawah 35 tahun ; dan
- (b) apakah insentif yang dihulurkan kepada generasi pertama yang memulakan perniagaan.

23. PR-1411-L00346

Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendekatan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah monopoli oleh PUSPAKOM dan senaraikan pemegang saham utama syarikat tersebut.

24. PR-1411-L01349

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai alternatif terbaru dalam usaha untuk meningkatkan kelajuan internet setaraf dengan negara-negara seperti Vietnam dan Singapura agar dapat memberikan akses yang lebih baik kepada rakyat; dan
- (b) nyatakan perancangan terkini Kementerian dalam menyediakan akses internet yang berkualiti kepada rakyat.

25. PR-1411-L00751

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah keputusan menutup Institusi Pengajian Guru Kampus Miri, Sarawak kepada Politeknik adalah muktamad dan adakah Kementerian dapat mempertimbangkan untuk membatalkan keputusan tersebut agar IPG Kampus Miri dapat diteruskan sebagai pusat latihan guru bagi mencapai sasaran ratio guru 90 peratus guru Sarawak berkhidmat dalam negeri.

26. PR-1411-L00226

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah dan usaha Kerajaan untuk memperkasakan perundangan yang melibatkan institusi Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia.

27. PR-1411-L00986
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan sekolah tahfiz berdaftar di seluruh negara. Apakah bentuk dan skim bantuan Kerajaan yang telah disalurkan.
28. PR-1411-L00225
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan dari Sarawak dalam 5 tahun yang lalu untuk mendapat status kewarganegaraan dan kad pengenalan. Apakah sebenarnya faktor / kriteria yang menyebabkan permohonan mereka ini tidak dapat diluluskan.
29. PR-1411-L00868
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah Kementerian membuat kajian terperinci tentang kesan penurunan GST kepada kadar kosong ke atas harga barangan khususnya barangan makanan dan keperluan asas.
30. PR-1411-L00439
Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan serta perancangan Perdana Menteri terhadap tuntutan rakyat Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia Tahun 1963.
31. PR-1411-L00838
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah pusat E-sport serta garis panduan untuk sektor swasta mengendalikan pusat sedemikian.
32. PR-1411-L01258
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu akta berkaitan sumbangan pilihan raya kepada Kerajaan dan pembangkang supaya urusan kewangan lebih tulus di masa akan datang. Sekiranya tidak, mengapa.
33. PR-1411-L00170
Tuan Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-
- (a) apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah penurunan harga komoditi lada pada masa ini ; dan

- (b) apakah bentuk bantuan jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang diberikan kepada para pekebun kecil dalam menghadapi masalah kejatuhan harga komoditi ini .
34. PR-1411-L00441
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan negeri manakah merupakan penyumbang tertinggi dari segi pelancongan kesihatan.
35. PR-1411-L00569
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah strategi Kerajaan dalam memperkasakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menggabungkan JAKIM dan Halal Development Corporation (HDC) bagi memperkasakan industri halal di Malaysia .
36. PR-1411-L00046
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah persiapan dan pelaksanaan terkini Jelapang Padi pertama di Sarawak di Parlimen Batang Lupar.
37. PR-1411-L00397
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian sedar tentang keperluan bekalan air terawat di lebih sepuluh buah Kampung sepanjang Jalan Tamparuli- Pekan Nabal, Sabah.
38. PR-1411-L00898
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada penghapusan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) benar-benar berjaya mengurangkan harga barang dan bagaimana beban rakyat diringankan.
39. PR-1411-L01117
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan untuk meringankan kos sara hidup rakyat, meningkatkan ekonomi dan memperbaiki keyakinan pelabur asing di pasaran modal tempatan.

40. PR-1411-L00684
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) status perancangan dan pelaksanaan projek membina kemudahan balai bomba dan penyelamat di Asajaya, Kota Samarahan yang telah diluluskan sebelum ini ; dan
 - (b) perancangan Kementerian membina 5000 buah rumah kepada keluarga setinggan di negeri Sarawak. .
41. PR-1411-L00496
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak perubahan Kerajaan, berapa ramaikah jumlah kakitangan awam yang dilantik secara kontrak dan dianggap pelantikan politik diberhentikan.
42. PR-1411-L01047
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk merancang bagi menggerakkan semula Dasar Ekonomi Baru (DEB).
43. PR-1411-L01361
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status tindakan kepada Tan Sri Musa Aman yang mana keluar dari negara tanpa melalui proses imigresen yang sah.
44. PR-1411-L00657
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status hubungan Malaysia dengan Korea Utara buat masa ini dan sama ada program MM2H dibuka untuk warganegara Korea Utara.
45. PR-1411-L00770
Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang pinjaman mudah yang dibuat dengan Jepun, berapakah kadar faedah yang dikenakan dan berapa lama tempoh pembayaran balik pinjaman tersebut.
46. PR-1411-L00257
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah strategi pihak Kementerian dalam pemeraksanaan ekonomi di dalam era digital dan apakah kedudukan kita di dalam pemeraksanaan ini dan bagaimana *pillars industry 4.0* akan menjadi pintu utama kepada perjalanan ekonomi negara.

47. PR-1411-L00335
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan kesan projek-projek mega pelabuhan laut yang melibatkan negara asing, seperti Melaka Gateway, terhadap ekonomi, hak milikan tanah, dan kedaulatan negara Malaysia.
48. PR-1411-L00250
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah faktor utama menyumbang kepada kenaikan hutang negara dan nyatakan KPI Kementerian bagi memperbaiki kadar hutang negara.
49. PR-1411-L00392
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan tindakan pihak Kementerian terhadap laporan segelintir majikan yang tidak membenarkan pekerja Islam mereka menunaikan solat Jumaat dengan alasan ianya menjejaskan produktiviti syarikat. Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pekerja jika perkara tersebut berlaku kepada mereka.
50. PR-1411-L01015
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Jawatankuasa Penurunan Kuasa Sabah dan Sarawak dan apakah perkembangan terkini segala rundingan yang telah berjalan.
51. PR-1411-L00429
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan mendukung konsep '*Malaysian Malaysia*' dan apakah tindakan bagi terus menjaga kepentingan dan survival bangsa Melayu.
52. PR-1411-L00013
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab Kerajaan gagal mengurangkan pendatang asing tanpa izin (PATI) berada di negara; apakah langkah-langkah baru yang telah diambil untuk memastikan bilangan PATI dapat dikawal .

53. PR-1411-L00885
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status Sabah Development Corridor (SDC) dan agensi pelaksanaannya, Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA) selepas penukaran Kerajaan baru. Adakah SDC dan SEDIA akan diteruskan atau terdapat alternatif lain.
54. PR-1411-L00269
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan implikasi pemansuhan GST dan pengenalan semula SST terhadap harga barangan dan perkhidmatan dalam pasaran serta terhadap pendapatan negara.
55. PR-1411-L01224
Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kabinet telah bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai skandal 1MDB.
56. PR-1411-L00719
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah penyelesaian masalah liputan pemancar dari Gunung Jerai agak lembap terutamanya di Parlimen Jerai.
57. PR-1411-L01063
Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana Kerajaan Persekutuan baharu mengendali masalah kanak-kanak tanpa taraf kewarganegaraan yang sah (*stateless children*) yang semakin ramai khususnya di negeri Sabah. Adakah satu jawatankuasa akan ditubuhkan untuk membantu golongan ini.
58. PR-1411-L01087
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang boleh dijalankan untuk memberi sokongan serta *early detection* kepada wanita di mana kini kes penyakit mental selepas bersalin seperti *postpartum depression and psychosis* semakin meningkat dan menjadi perhatian ; dan
 - (b) adakah perlu diperbanyak dan diperkasakan lagi perkhidmatan kesihatan mental dalam komuniti.

59. PR-1411-L00295
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status persiapan negara untuk menggondol emas pertama Malaysia di Olimpik 2020 di Tokyo, Jepun.
60. PR-1411-L01158
Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian bagi menstabilkan semula indeks Bursa Malaysia yang telah mengalami kemerosotan ketara dan apakah langkah yang akan diambil pihak Kementerian bagi mengembalikan semula keyakinan pelabur, seterusnya mengukuhkan semula indeks Bursa Malaysia.
61. PR-1411-L00909
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah semasa tahanan yang ditahan di bawah SOSMA dan POCA tanpa sebarang perbicaraan mahkamah mengikut pecahan umur (dewasa dan juvenil) dan adakah Kerajaan akan terus bergantung kepada akta-akta tersebut dalam penguatkuasaan undang-undang.
62. PR-1411-L00611
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah rangka strategik yang akan dijalankan oleh Kementerian bagi mengurangkan jumlah pengangguran dalam kalangan graduan.
63. PR-1411-L00455
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perancangan untuk merapatkan jurang digital (*digital divide*) di antara bandar dan luar bandar terutamanya kesan tamat program Kampung Tanpa Wayar dan malapnya peranan Pusat Internet Desa.
64. PR-1411-L00074
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula tindakan membatalkan projek-projek mega seperti MRT3 di mana pelaksanaannya bukan sahaja dapat memberi kemudahan kepada rakyat malah projek sebegini juga turut dilihat mampu menjana keyakinan pelabur asing terhadap ekonomi negara.

65. PR-1411-L01188
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan membuat pindaan kepada Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] dengan memasukkan cadangan fasal 88A yang telah digugurkan oleh Kerajaan terdahulu atas alasan percanggahan dengan kes Mahkamah Persekutuan memandangkan ianya tidak lagi bercanggah setelah kes M Indira Gandhi diputuskan.
66. PR-1411-L00581
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini kes penderaan dan penganiayaan terhadap wanita seluruh negara dan penyelesaiannya.
67. PR-1411-L01399
Tuan Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk reformasi yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk mengukuhkan kerjasama dua hala dengan negara-negara asing bagi mengelakkan Malaysia daripada tidak mendapat akses maklumat sekiranya berlaku kejadian seperti 1MDB di mana wang negara mengalir ke wilayah bidang kuasa luar seperti Singapura atas bantuan ahli perbankan antarabangsa.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula Pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 (D.R. 15/2018) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 seperti berikut :-**

BAHAWASANYA, berikutan dengan Pilihan Raya Umum Keempat Belas, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain;

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018;

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya;

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406];

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dibuat melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini;

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion dua ratus dua puluh sembilan juta lapan ratus lima ribu tiga ratus enam puluh satu ringgit (RM6,229,805,361) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2018 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 2 Julai 2018.

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (14 Ogos, 2018)

2. (D.R.14/2018) Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

3. (D.R.16/2018) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Pembubaran) 2018 "

[Menteri Pengangkutan]

4. (D.R.17/2018) Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2018 "

[Menteri Pengangkutan]

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat mengambil ketetapan supaya Ketua Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam menyiasat semula penyelewengan dan skandal 1MDB dan syarikat-syarikat berkaitan supaya maruah Dewan ini dapat dipulihkan; dan bahawa segala maklumat berkaitan harus didedahkan kepada umum"

6. PR-1411-U(27)003

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

[Menteri Pendidikan]

7. PR-1411-U(27)004

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan

Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

[Menteri Pendidikan]

8. PR-1411-U(27)005

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."

[Menteri Dalam Negeri]

9. PR-1411-U(27)006

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

10. PR-1411-U(27)007

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."

[Menteri Kewangan]

11. PR-1411-U(27)008
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membenteng butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
12. PR-1411-U(27)009
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggap mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

[Menteri Pengangkutan]
13. PR-1411-U(27)001
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]
14. PR-1411-U(27)002
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakpercayaan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

| Tarikh Ucapan | Ahli Yang Berucap | Tajuk Ucapan | Menteri Yang Bertanggungjawab |
|-------------------------|---|---|--------------------------------------|
| 1. 15.08.2018 (Rabu) | 1. YB Tuan Teh Kok Lim (Taiping) | 1. Isu Kewarganegaraan Adik Sophia Lim Jou Qi yang memerlukan Tindakan Segera | 1. YB Menteri Dalam Negeri |
| 2. 15.08.2018 (Rabu) | 2. YB Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim) | 2. Kes Kematian Dalam Proses Penangkapan Polis Di Behrang Station, Behrang | 2. YB Menteri Dalam Negeri |

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**